ann/BB49/um/03.11.2005/p: 6 (5)

Graduan UUM tangga kedua mudah dapat kerja

UM 3/11/05 6:5

ALOR STAR 2 Nov. — Graduan-graduan dari Universiti Utara Malaysia (UUM) menduduki tangga kedua paling mudah mendapat pekerjaan sebelum konvokesyen berbanding Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang lain.

Kajian Kementerian Pengajian Tinggi yang dilakukan pada tahun ini itu mendapati daripada 6,243 graduan yang menerima ijazah pada Konvokesyen ke-18 universiti berkenaan baru-baru ini, seramai 2,969 telah bekerja dalam pelbagai bidang.

Naib Canselornya, Datuk Dr. Nordin Kardi berkata, UUM telah mengatasi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di mana 2,728 graduan bekerja, Universiti Malaya (UM) iaitu 2,453 dan Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) seramai 1,482.

Bagaimanapun katanya, Universiti Sains Malaysia (USM) mendahului universiti lain dengan 3,495 graduannya mendapat pekerjaan, tetapi dari segi peratusannya UUM masih berada dalam senarai kelima teratas selepas UPSI (pertama), USM (kedua), UKM (ketiga) dan UM (keempat).

Sehubungan itu katanya, UUM akan terus menjadi pilihan utama calon-calon terbaik dari dalam dan luar negara terutamanya mereka yang ingin melengkapkan diri dengan ilmu pengurusan.

"Saya yakin kejayaan ini adalah hasil kerja kuat tenaga pengajar, pentadbir dan mahasiswa yang lebih dahulu berada di UUM berbanding saya.

"Mereka semua telah meletakkan UUM di landasan yang betul dan saya percaya rakyat serta negara amat berbangga, malah berterima kasih kepada semua ahli keluarga Sintok kerana dalam tempoh yang singkat telah meletakkan universiti ini mengatasi universiti yang lebih dewasa," katanya dalam perutusan Hari Raya kepada warga kampus UUM hari ini.